

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

Datuk Musa dijangka umum langkah kawal seludup

KUALA LUMPUR, Jumaat — Pemangku Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, dijangka mengumumkan beberapa langkah mengawal penyeludupan di Tambak Johor ketika melawat Kompleks Imigresen di Johor Bahru, Isnin ini.

Berita Harian diberitahu, Datuk Musa sendiri mengambil berat tentang beberapa masalah yang timbul baru-baru ini di Tambak Johor.

Badan Pencegah Rasuah (BPR) baru-baru ini membuat pemeriksaan ketat di tempat pemeriksaan kastam kerana dikatakan berlaku penyelewengan di situ.

Disebabkan dari pemeriksaan keras BPR itu, kastam dan BPR di Johor Bahru "berperang".

Kemuncak "perang" itu ialah apabila pegawai-pegawai BPR menahan sebuah bas yang membawa sekumpulan pegawai kastam yang baru pulang dari bertugas di Pasir Gudang dan merampas beberapa barang dari bas itu.

Tindakan pegawai-pegawai BPR itu dikatakan mencetuskan rasa tidak puas hati di kalangan pegawai-pegawai kastam dan Berita Harian diberitahu, perkara ini sudah dibawa ke pengetahuan pihak atasan.

Adalah difahamkan kalangan ahli perniagaan di Johor Bahru dan sebilangan kecil orang ramai dikatakan tidak puas hati terhadap kawalan pemeriksaan kastam dan membuat aduan kepada beberapa pihak, termasuk ahli-ahli politik.

Ahli-ahli perniagaan di sini dikatakan tidak puas hati tentang kelonggaran kawalan pemeriksaan, manakala orang ramai tidak puas hati terhadap kawalan ketat.